

16/10/1998

`Tak larat nak cangkuk`

Shaidah Shafie

"CANGKUK!"

"Cangkuk! Sinilah..."

"Aii cangkuk mari sini!"

Bertalu-talu suara meminta cangkuk di atas bot yang memuatkan tujuh orang penumpang itu. Air laut berkocak sederhana manakala hari semakin petang. Tekong bot, Mustafa Ibrahim (Tapa) kelam-kabut menuju kepada suara yang memanggil cangkuk.

"Bukannya cangkuk apa tapi kami tak henti-henti membawa naik kerapu dan kerabatnya yang lain. Lama kelamaan Tapa keletihan dan kami juga main tarik sahaja, tak larat lagi nak tunggu cangkuk," ujar Amili Ali ketika menceritakan pengalamannya memancing tiga hari dua malam di perairan Pulau Pemanggil bersama pakej memancing Lanting Beach Resort (LBR).

Kata Amili lagi, beliau sudah lama memancing tetapi sejak mengenali Pulau Pemanggil, beliau tidak pernah ke tempat lain kerana berpuas hati dengan hasil yang sering dibawa pulang.

"Kalau dulu kami selalu memancing di Klang tapi sekarang beralih arah," ujar Tony Sudin yang juga rakan rapat Amili apabila ke laut.

Sebenarnya Amili dan Tony sama seperti kaki pancing lain yang sentiasa mencari masa untuk melangsaikan hobi memancing mereka. Paling tidak, sebulan sekali mereka pasti pergi memancing.

"Kami biasanya memancing di waktu siang. Alasannya ialah kerana kita nampak apa yang berlaku tapi kalau malam, semuanya gelap-gelita."

"Lagipun ada pepatah mengatakan laut itu di dalamnya ada khazanah yang tidak boleh kita duga. Jadi baiklah kami berhati-hati sebelum terjadi apa-apa," kata Tony.

Amili pula menambah: "Kalau kail panjang sejengkal, janganlah lautan dalam hendak diduga. Pernah sekali kami membawa seorang rakan yang membawa pancing untuk tasik.

"Kami tak benarkan beliau mengikuti ekspedisi kami kerana kita tidak tahu apa yang akan terjadi. Kiranya... pantang jugalah membawa peralatan yang tidak sesuai. Nampak sangat kita tidak bersungguh-sungguh."

Ketika memancing di Pulau Pemanggil, awal September lalu, pelbagai jenis ikan berjaya mereka punggah dari laut. Kerapu, jenahak, yu dan tenggiri hampir memenuhi bot.

Abang Tapa yang berpengalaman luas menjadikan ekspedisi mereka tidak sia-sia. Amili, Tony, Salehudin, Mahathir, Sazali dan Soon Heng semuanya berjaya membawa naik ikan.

"Betullah kata orang cencaru makan petang, bila tiba waktu nak balik, makin banyak ikan memakan umpan. Lagipun mungkin dengan bantuan Abang Tapa, rezeki kami murah hari itu."

"Siapa kata memancing membuang masa? Tak ada buang masanya tetapi menguji kesabaran dan kebijaksanaan kerana kalau tak dapat ikan kami akan beralih lokasi dan menggunakan pelbagai teknik seperti cara ikatan, memasang umpan dan teknik balingan juga penting diketahui," kata Amili.

Menurut Tony pula, apabila turun ke laut mereka juga ada mengamalkan beberapa petua untuk keselamatan. Kadang kala ada juga betulnya petua orang lama supaya mulut jangan celupar dan sebagainya.

"Saya pernah bekerja di atas kapal Jepun. Petua orang Jepun ialah kalau makan nasi berlaukan ikan di laut, ikan berkenaan jangan sekali-kali dibalikkan apabila sebelah bahagiannya telah habis."

"Anda hendaklah membuang tulangnya barulah mencubit isi ikan. Dikhuatiri

bot akan terbalik sekiranya anda membalikkan ikan itu. Bersiul pula ditegah kerana ia seolah-olah memanggil angin ribut," katanya.

(END)